

**Najib hos majlis makan tengah hari Duke of Cambridge
Utusan Online
13 September, 2012**

PUTRAJAYA 13 Sept. - Duke dan Duchess of Cambridge, Putera William dan isterinya Catherine, menghadiri majlis makan tengah hari yang dihoskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor di Seri Perdana di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Lawatan rasmi empat hari pasangan diraja itu adalah bagi mewakili Ratu Elizabeth II bersempena sambutan 60 tahun pemerintahan baginda.

Duke dan Duchess of Cambridge juga dijangka menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, dan menghadiri majlis santapan diraja di Istana Negara, malam ini.

Pasangan diraja itu dijadual melawat Hospis Malaysia, pertubuhan amal yang menawarkan penjagaan paliatif profesional kepada pesakit menghidap penyakit hayat terhad, Taman KLCC dan Lembah Danum, hutan hujan tropika utama, di Sabah.

Ikuti laporan langsung lawatan Putera William dan Catherine atau Kate Middleton ke Malaysia menerusi [Utusan Online di sini](#).

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120913/dn_20/Najib-hos-majlis-makan-tengah-hari-Duke-of-Cambridge